



KONSEP EKSTREMISME AGAMA DARI PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM: SATU SOROTAN

[THE CONCEPT OF RELIGIOUS EXTREMISM FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC THOUGHT: A HIGHLIGHT]

AZZAHARI MURAD, AMINUDIN BASIR, NASRUDDIN YUNOS & AKILA MAMAT ¹

^{1*} Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. Email: razinzahari@gmail.com

^{2*} Pusat Pengajian Citra & Felo Bersekutu Kanan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. Email: manhaj@ukm.edu.my

^{3*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: akila@unisza.edu.my

Correspondent Email: razinzahari@gmail.com

Received: 1 September 2022

Accepted: 14 September 2022

Published: 30 September 2022

Abstrak: Ekstremisme seringkali difahami sebagai ideologi melampau yang hanya wujud dalam golongan Islam sahaja. Ini menyebabkan timbul salah faham terhadap kesucian dan kemuliaan Islam sebagai agama yang membawa rahmat. Persoalannya adalah apakah yang dimaksudkan dengan ekstremisme yang sebenar? Apakah telah wujud ideologi ini sebelum kedatangan Rasulullah SAW dan selepas kebangkitan baginda? Pada era moden adakah golongan ekstrem ini wujud dan berkembang khususnya di Malaysia? Maka bagi menjawab persoalan ini objektif artikel adalah untuk mengetahui takrif dan konsep ekstremisme. Meninjau sejarah kewujudan ekstremisme dan mengenal pasti kewujudan golongan ini di era moden khususnya di Malaysia sebagai satu sorotan. Bagi mencapai objektif kajian maka penulisan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk dan menganalisis bahan-bahan bertulis. Hasil kajian mendapati ekstremisme menunjukkan sikap melampau dalam aspek akidah dan syariah. Golongan Ahli Kitab juga didapati bersikap ekstrem terhadap agama dengan meletakkan taraf manusia sebagai Tuhan. Kajian juga mendapati bahawa golongan ekstrem seperti Khawarij ideologinya masih berkembang hingga ke hari ini khususnya di kalangan gerakan ISIS dan JI.

Kata kunci: Ekstremisme, Pemikiran, Islam.

Abstract: Extremism is often understood as an extreme ideology that only exists among Muslims. This causes a misunderstanding of the purity and glory of Islam as a religion that actually brings blessings. The raised question is what is really meant by true extremism? Has this ideology existed before the arrival of Prophet Muhammad SAW (Peace Be Upon Him) and after his resurrection? In the modern era of today, do these extreme groups exist and grow especially in Malaysia? So, in order to address and answer this question, this article aims to know the definition and concept of extremism by reviewing the history of the existence of extremism and identifying the existence of this group in the modern era, especially in Malaysia as a highlight. In order to achieve the objective of the study, writing this article uses a qualitative method by referring to and analysing written materials. The

results of the study found that extremism has been shown with extreme attitudes in terms of faith and sharia. The people of the Scripture (the Jews and the Christians) were also found to be extreme towards religion by putting human beings' status as God. The study also found that extremist groups such as the Khawarij ideology are still developing to this day, especially among the ISIS and JI movements..

Keywords: Extremism, Thought, Islam

Cite This Article:

Azzahari Murad, Aminudin Basir, Nasruddin Yunos & Akila Mamat. 2022. Konsep Ekstremisme Agama Dari Perspektif Pemikiran Islam: Satu Sorotan [The Concept of Religious Extremism from the Perspective of Islamic Thought: A Highlight]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(3), 37-49.

PENGENALAN

Islam telah menetapkan penganutnya supaya beramal sejajar dengan ajarannya yang suci. Oleh itu, setiap pengamalan dalam Islam terikat dengan hukum-hakam yang termaktub dalam wahyu al-Quran dan al-Sunnah (Aminudin dan Akila 2016). Tujuan pelaksanaan segala perintah agama adalah untuk memelihara hubungan hamba dengan Allah Ta'ala dan memelihara hubungan dengan sesama manusia (Ulfatu Aini 2019).

Ini kerana sesuatu tingkah laku yang dilakukan oleh seseorang muslim akan memberi kesan pada sudut ketuhanan, iaitu balasan pahala atau dosa, kesan daripada jiwa dan juga kemasyarakatan (Ulfatu Aini 2019). Maka dalam rangka melaksanakan amalan atau ibadah dalam Islam, contoh terbaik adalah dengan mengikut cara pelaksanaan yang diajar oleh Rasulullah SAW.

Seseorang itu dianggap ekstrem atau melampau dalam melaksanakan sesuatu amalan apabila bertentangan dengan petunjuk Rasulullah SAW. Begitu juga dalam aspek kefahaman agama, mana-mana individu yang mempunyai kefahaman terhadap agama sama ada dalam akidah mahupun syariah yang menyalahi dari kefahaman yang diajar oleh Rasulullah, para sahabat baginda, para tabiin dan tabi' al-Tabiin maka kefahaman tersebut dianggap sebagai kefahaman yang ekstrem atau melampau. Justeru artikel ini berusaha untuk meninjau konsep ekstremisme agama dari perspektif pemikiran Islam.

TAKRIF EKSTREMISME

Perkataan ekstremisme dalam bahasa Arab diterjemahkan dengan kalimah *al-ghuluw*, *al-tasyaddud*, *al-tanaththu'* dan *al-'unf* (al-Yamaniy 2015). *Kamus Dewan* (2016) mentakrifkan 'ekstrem' dengan makna keterlaluan dan melampau, manakala maksud perkataan 'ekstremis' pula merujuk kepada individu atau golongan yang sikapnya melampaui batas kesederhanaan. Ekstremisme pula ialah faham, sikap, perlakuan dan sebagainya yang ekstrem. Selain ekstremisme ada perkataan-perkataan lain yang menunjukkan maksud sepertinya iaitu fundamentalisme, *revivalisme*, radikalisme, militan dan Islamisme.

Sikap ekstrem atau melampau ini disebutkan dengan istilah *ghuluw*. Antaranya adalah firman Allah SWT (Al-Quran, Al-Nisa 4:171):

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ

Maksudnya: Wahai ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani)! janganlah kamu melampaui batas Dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar.

Sementara itu terdapat juga larangan bersikap melampau di dalam hadis-hadis yang sahih, antaranya adalah larangan bersikap *ghuluw* dalam agama, seperti mana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Ketahuilah, binasalah orang-orang yang melampau, ketahuilah binasalah orang-orang yang melampau, ketahuilah, binasalah orang-orang yang melampau (*Sahih Muslim, kitab al-‘Ilm, bab halaka al-mutanatthi’un 2670*).

Begitu juga dengan Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Hendaklah kalian menjauhi sifat *ghuluw* dalam agama, sungguh telah binasa orang-orang sebelum kamu oleh sebab *ghuluw* dalam agama (Al-Nasaie, 2015, kitabu manasik al-haj, bab illtiqath al-hasha no. 3057)

Jelas dari kedua-dua hadis di atas menunjukkan Islam sangat melarang sikap melampau atau *al-Ghuluw*. Natijah dari sikap ini membawa kepada kebinasaan kaum yang terdahulu sepertimana yang berlaku terhadap kaum Bani Israel yang melampau dengan mendakwa Uzair adalah anak Allah, begitu juga dengan kaum Nasrani yang mendakwa Isa Ibn Maryam adalah anak Allah SWT.

KONSEP EKSTREMISME

Ekstremisme atau fahaman melampau dalam beragama tidak hanya khusus kepada sesuatu bidang amalan tertentu sahaja, tetapi meliputi berbagai sudut amalan keagamaan, samada pada perkataan, perbuatan atau kepercayaan. Hukum ke atas seseorang yang ekstrem mengikut kadar sikap melampaunya. Terdapat sikap ekstrem yang menjatuhkan seseorang itu ke dalam kesyirikan, kekufuran, kefasikan, kezaliman, kejahatan atau disifatkan sebagai ahli *bid’ah* (al-Luwaihiq 2005).

Selain itu sikap taasub dan fanatik kepada pendapat sendiri mahupun guru dan kumpulan masing-masing juga adalah salah satu daripada gejala ekstrem. Berkaitan hal ini Mohd Roslan Mohd Nor (2015) menyatakan bahawa ekstremisme bukan sahaja muncul dalam bentuk-bentuk pemikiran yang tidak berteraskan agama dan politik bahkan juga boleh disebabkan oleh suasana persekitaran, ideologi-ideologi sosial yang melibatkan persoalan perkauman dan sebagainya. Sebagai contoh di Amerika, terdapat beberapa pertubuhan yang berdasarkan kepada anti perkauman seperti neo-Nazi dan Aryan Nation. Pendukung gerakan-gerakan ini dikatakan menghina dan memandang rendah darjat bangsa yang selain mereka (Laurie Willis 2011).

Kajian Lepas Terhadap Exteremisme

Terdapat beberapa kajian terkini yang meninjau isu Ekstremisme. Kajian Ahmad Munawar Ismail et. al. (2021) yang mengkaji berkaitan perwatakan ekstremis melalui disiplin *fiqh taayush* menjelaskan bahawa ideologi golongan adalah agak sukar untuk dibendung serta

dikenal pasti, namun ekstremisme agama ini namun ia akan dapat diatasi dengan pendedahan secara meluas berkaitan konsep *fiqh taayush* atau fiqh interaksi yang memfokuskan kepada perilaku dalam hubungan sesama manusia yang dapat dibentuk melalui ilmu pengetahuan, keamanan dan kedamaian, sikap lemah-lembut dan usaha yang berterusan.

Muhd Imran Abd Razak et al. (2018) pula, dalam kajian berkaitan analisis fahaman ekstremis agama dan media sosial di Malaysia mendapati bahawa gerakan ekstremisme agama di Malaysia disebarkan oleh bekas pejuang daripada Afghanistan dan Pakistan, mereka mengadakan jalinan membabitkan kumpulan-kumpulan lain dari berbagai rantau di seluruh dunia. Ini bermakna pihak berkuasa negara yang berkaitan perlu meningkatkan daya usaha yang maksimum bagi membendung kumpulan ini dari terus bergerak aktif.

Sementara Siti Naqiyah Mansor et.al (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk Ideologi Gerakan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) di Malaysia mendapati bahawa isu ekstremisme agama di Malaysia turut mendapat perhatian, kerana ideologi ini tersebar luas dengan jenama jihad atau atas nama mempertahankan Islam. Pihak kerajaan terutamanya Jabatan Kemajuan Islam telah mengambil peranannya dalam usaha memperbetulkan kefahaman songsang ini, namun usaha ini memerlukan kepada jalinan kerjasama berbagai pihak samada dari pihak kerajaan atau badan-badan selain kerajaan untuk lebih giat dalam menangani fenomena ekstremisme agama di negara ini.

Tidak ketinggalan, kajian dalam aspek ini turut disumbangkan Zaid Hamdani & Rahimin Affandi Abdul Rahim (2018). Melalui kajian yang berkaitan kemampuan fatwa sebagai alat menangani ekstremisme agama, mendapati bahawa fatwa memainkan peranan penting dalam usaha menangani gerakan penyebaran ekstremis agama, kerana kepentingan ini maka pihak Barat turut mempergunakan institusi fatwa ini dalam tindakan mereka menyekat penyebaran gerakan teroris.

Manakala Mohd Roslan Mohd Nor (2015) melalui kajiannya yang berkaitan dengan ekstremisme rentas agama dan tamadun. Kajian beliau mendapati banyak pihak berpendapat penyebaran ekstremisme agama di Malaysia di peringkat permulaannya tertumpu di institusi tahfiz dan pusat-pusat pengajian Islam yang terdapat penyelewengan terhadap tafsiran jihad dalam modul pengajian yang diajarkan kepada para penuntutnya. Jelas sekali kefahaman yang salah tentang istilah jihad ini tentunya akan mengundang ancaman terhadap keselamatan awam.

Kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia khususnya, ekstremisme ini masih wujud dalam bentuk individu dan kumpulan tertentu. Walaupun ekstremisme ini seringkali dikaitkan dengan golongan pelampau agama yang bersifat teroris atau bersenjata, namun hakikatnya ekstremisme juga dapat dikaitkan dengan ajaran atau kelompok agama yang bercanggah dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Khususnya ajaran dan pemikiran sesat yang telah difatwakan oleh pihak berautoriti sebagai menyeleweng (Ahmad Hidayat Buang 2011).

SEJARAH AWAL KEMUNCULAN GOLONGAN EKSTEREMISME

Catatan sejarah bersumber Al-Quran menyatakan bahawa sikap ekstrem dalam beragama telah berlaku sebelum perutusan nabi Nuh AS. Sebelum diutus nabi Nuh AS sebagai rasul, terdapat dari kalangan kaum nabi Nuh AS yang bersifat melampau dalam memuja orang-

orang soleh di zaman mereka. Setelah orang-orang soleh dari kalangan kaum nabi Nuh AS meninggal dunia, beberapa individu generasi awal dari kalangan kaum mereka telah membuat gambar atau patung bagi memperingati orang-orang soleh tersebut. Selepas berlalu beberapa masa maka patung-patung tersebut telah disembah oleh generasi berikutnya. Inilah sejarah awal berlaku syirik dari kalangan manusia. Justeru, Allah SWT telah mengutus nabi Nuh AS untuk mengembalikan mereka kepada mengesakan Allah SWT. Perbuatan menyembah patung ini diwarisi turun-temurun sehinggalah bidaah ini dituruti oleh bangsa Arab jahiliyah sebelum perutusan Nabi Muhammad SAW sebagaimana firman Allah SWT (Ibn Kathir: 1999):

وَقَالُوا لَا تَنْزِيلَ ءِآلِهَتِكُمْ، وَلَا تَنْزِيلٌ وَّءَا وَلَا سُوءًا وَلَا يَعْثُوثُ وَيَعُوقُ وَنَسْرًا

Maksudnya: Dan mereka berkata, “Jangan sekali-kali kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu dan jangan pula sekali-kali kamu meninggalkan (penyembahan) *wadd*, dan jangan pula *Suwā’*, *Yagūs*, *Ya’ūq*, dan *Nasr*” (Al-Quran, Nuh 71:23)

Ibnu Abbas RA dalam menafsirkan ayat ini menyebutkan bahawa berhala-berhala peninggalan kaum Nuh AS telah berada di kalangan bangsa Arab selepas itu, adapun berhala *Wadd* disembah oleh penduduk *Daumatu al-Jandal*, *Suwa’* disembah oleh kabilah *bani Huzail*, *Yaguth* disembah oleh kabilah Murad kemudian oleh *bani Gathfan*, *Ya’uq* disembah oleh kabilah Hamazan dan berhala *Nasr* pula disembah di perkampungan *Himyar* bagi keluarga *Zi al-Kala’*. Nama-nama berhala itu adalah bersempena nama-nama mereka yang soleh dari kalangan kaum Nabi Nuh AS. Setelah orang-orang soleh itu meninggal dunia maka datanglah syaitan membisikkan pada kaum mereka supaya di buat monumen peringatan yang diletakkan nama-nama mereka padanya. Monumen itu tidak disembah sehinggalah generasi ini meninggal, lalu syaitan membisikkan kepada generasi berikutnya supaya monumen tersebut disembah, akhirnya patung-patung itu pun disembah (Al-Bukhari, 2002, Sahih Al-Bukhari, Kitab Al-Tafsir, Surah *Inna Arsalna*, no.4920)

Selain dari bangsa Arab, sikap ekstrem ini juga dapat dikesan wujud dalam kalangan bangsa Greek. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kefahaman dari al-Quran yang telah difirmankan oleh Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عَزْرَ ابْنِ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصْرَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَبْلُ قَتَلْتَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ

Maksudnya: Orang-orang Yahudi berkata, “Uzayr itu putra Allah” dan orang-orang Nasrani berkata, “Al-Masih itu putera Allah”. Demikian itulah ucapan mereka dengan mulut mereka, mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu. Dilaknati Allah-lah mereka; bagaimana mereka sampai berpaling?

Dalam ayat ini Allah SWT menyebut persamaan ucapan golongan Yahudi dan Nasrani dengan ucapan orang-orang kafir sebelum mereka yang menganggap bahawa Allah memiliki

anak, dan inilah titik persamaan sifat melampau yang terdapat pada semua golongan ini (Ibn Kathir, 1999).

Justeru Allah SWT seringkali memperingatkan golongan Ahli kitab yang terdiri dari Yahudi dan Nasrani agar tidak bersifat melampau dalam urusan agama seperti mana dalam ayat 171 dalam surah al-Nisa'. Sifat ekstrem ahli kitab dari keturunan Nabi Yaakub AS yang terkenal sebagai Bani Israel yang mencakupi Yahudi dan Nasrani telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya (Al-Quran, Al-Nisa 4: 171):

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ

Maksudnya: Wahai ahli kitab, janganlah kamu melampau batas dalam agamamu

Antara sikap melampau ahli kitab ialah masing-masing dari golongan Yahudi dan Nasrani mengkafirkan antara satu sama lain. Allah SWT berfirman (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 113):

وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتِ النَّصْرَىٰ عَلَىٰ شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصْرَىٰ لَيْسَتِ الْيَهُودُ عَلَىٰ شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ ۗ
كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ ۗ قَالَ اللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ

Maksudnya: Dan orang-orang Yahudi berkata, “Orang-orang Nasrani itu tidak mempunyai suatu pegangan”, dan orang-orang Nasrani berkata, “Orang-orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan”

Golongan Yahudi berkeyakinan bahawa mereka yang dominan kerana menganggap mereka adalah anak-anak Allah SWT dan para kekasihNya, dan merekalah kumpulan Allah SWT yang terpilih. Mereka berkeyakinan, bahawa selain mereka adalah 'Goya' atau dalam bahasa Ibraninya disebut sebagai 'Goyim', yang juga sering disebut 'Gentiles', atau 'Ummiyyin' dalam bahasa Arabnya yang bermaksud bahawa bangsa selain mereka adalah diciptakan hanya sebagai melaksanakan segala kepentingan Yahudi sebagai bangsa pilihan Tuhan (E.Marsden 2022).

Sikap keji golongan Yahudi terhadap selain mereka telah dibongkarkan oleh Al-Quran. Allah SWT dalam firmanNya (Al-Quran, Ali-Imran 3:75):

﴿ وَمَنْ أَهْلَ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُودِّعْ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّعُ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Di antara ahli kitab ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya harta yang banyak, dikembalikannya kepadamu; dan di antara mereka ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya satu dinar, tidak dikembalikannya kepadamu, kecuali jika kamu selalu menagihnya. Yang demikian itu lantaran mereka mengatakan, “Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang umi” Mereka berkata dusta terhadap Allah, padahal mereka mengetahui.

Adapun golongan Nasrani pula berpegang dengan keyakinan bahwa mereka telah mewarisi agama Yahudi dengan perutusan Nabi Isa AS. dan syariat yang telah diturunkan kepada Baginda AS. Mereka meletakkan kesalahan besar ke atas Yahudi kerana menyialib dan membunuh Nabi Isa AS sebagaimana sangkaan mereka. Firman Allah SWT (Al-Quran, Al-Ma'idah 5: 18):

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّهُ ۗ فَلَمَّ يُعَذِّبِكُمْ بِذُنُوبِكُمْ ۖ بَلْ أَنْتُمْ بَشَرٌ مِّمَّنْ خَلَقَ ۗ يَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ ۗ وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ۗ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

Maksudnya: Orang-orang Yahudi dan Nasrani mengatakan, “Kami ini adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasih-Nya”. Katakanlah, “Maka mengapa Allah menyiksa kamu karena dosa-dosamu?” (Kamu bukanlah anak-anak Allah dan kekasih-kekasih-Nya), tetapi kamu adalah manusia (biasa) di antara orang-orang yang diciptakan-Nya. Dia mengampuni bagi siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Kepunyaan Allah-lah kerajaan langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya. Dan kepada Allah-lah kembali (segala sesuatu).

Sikap ekstrem ahli kitab terutamanya golongan Yahudi yang paling berat ialah perbuatan mereka yang menyifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat kekurangan serta menyandarkan kepada-Nya segala keaiban. Al-Quran telah membongkar sifat-sifat buruk mereka. Antara sifat-sifat buruk tersebut ialah seperti berikut:

- a. Mengatakan bahawa Allah SWT fakir dan mereka yang kaya. Allah SWT berfirman (Al-Quran, Ali-Imran 3:183):

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ ۗ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلُهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ (81) ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ (82) الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عَاهِدَ إِلَيْنَا أَلَّا نُؤْمِنَ لِرَسُولٍ حَتَّىٰ يَأْتِينَا بِفُرْقَانٍ تَأْكُلُهُ النَّارُ ۗ فَلَمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّن قَبْلِي بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالذِّكْرِ فَلَمَّ قَتَلْتُمُوهُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ (83)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan, “Sesungguhnya Allah miskin dan kami kaya”. Kami akan mencatat perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar, dan Kami akan mengatakan (kepada mereka), “Rasakanlah olehmu azab yang membakar”(81) (Azab) yang demikian itu adalah disebabkan perbuatan tanganmu sendiri, dan bahawasanya Allah sekali-kali tidak menganiaya hamba-hamba-Nya (82) (iaitu) orang-orang (Yahudi) yang mengatakan, “Sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada kami, supaya kami jangan beriman kepada seseorang rasul, sebelum dia mendatangkan kepada kami korban yang dimakan api”. Katakanlah, “Sesungguhnya telah datang kepada kamu beberapa orang rasul sebelumku, membawa keterangan-keterangan yang nyata dan membawa apa yang kamu

sebutkan, maka mengapa kamu membunuh mereka jika kamu orang-orang yang benar”(83).

- b. Menyifatkan Allah SWT dengan kebakhilan dan ketamakan, sebagaimana firman-Nya (Al-Quran, Al-Ma'idah 5:64)

وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَةٌ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا بِمَا قَالُوا بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ وَلَيَزِيدَنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ مَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ مِنَ رَبِّكَ طُغْيَانًا وَكُفْرًا ۗ وَالْقَيْنَا بَيْنَهُمُ الْعَدَاةَ وَالْبَغْضَاءَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ ۗ كُلَّمَا أَوْقَدُوا نَارًا لِلْحَرْبِ أَطْفَأَهَا اللَّهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya: Dan orang-orang Yahudi itu berkata: “Tangan Allah terbelenggu (bakhil - kikir)”, tangan merekalah yang terbelenggu dan mereka pula dilaknat dengan sebab apa yang mereka telah katakan itu, bahkan kedua tangan Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniaNya luas melimpah-limpah). Ia belanjakan (limpahkan) sebagaimana yang Ia kehendaki; dan demi sesungguhnya, apa yang telah diturunkan kepadamu dari tuhanmu itu akan menjadikan kebanyakan dari mereka bertambah derhaka dan kufur; dan Kami tanamkan perasaan permusuhan dan kebencian di antara mereka hingga hari kiamat. Tiap-tiap kali mereka menyalakan api peperangan, Allah memadamkannya; dan mereka pula terus-menerus melakukan kerosakan di muka bumi, sedang Allah tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan.

- c. Menyandarkan pada Allah SWT sifat penat dan lelah sebagaimana yang telah dinafikan oleh Allah SWT dalam firman-Nya (Al-Quran, Qaaf 50: 38):

- d.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَمَا مَسَّنَا مِنْ لُغُوبٍ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya! Kami telah menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, dan Kami tidak mengalami sebarang susah payah.

- e. Antara keganasan yang mereka lakukan adalah perbuatan membunuh para nabi dan rasul AS, kehidupan beragama mereka menjadi rosak serta mereka juga menyebarkan kerosakan di atas muka bumi. Banyak ayat Al-Quran yang menyentuh perkara ini, antaranya adalah firman Allah SWT:

وَإِذْ قُلْنَا لِمُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَجِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِيهَا وَبَصَلِهَا ۗ قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ ۗ أَهْبَطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَا سَأَلْتُمْ ۗ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ وَالْمَسْكَانَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ ۗ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ۗ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

Maksudnya: Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami

sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya”. Nabi Musa menjawab: “Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu”. Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengkikari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesaranNya); dan mereka pula membunuh Nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa mencerooboh.

SIKAP EKSTREM DARI KALANGAN UMAT RASULULLAH SAW

Dalam konteks umat ini, benih ekstremisme agama telahpun wujud sejak Rasulullah SAW masih hidup lagi Sebagaimana kisah *Zi al-Khuwaishirah* yang membantah Nabi SAW (Ibn Kathir 1999), beliau adalah termasuk dalam golongan yang disifatkan oleh Rasulullah SAW sebagai melampau dalam agama, di mana mereka membaca Al-Quran, namun tidak mampu memahami kehendak ayat yang sebenar, mereka juga keluar dari agama Islam seperti mana anak panah yang keluar dari busurnya (Ibn Majah T.t). Dalam riwayat Abu Said al-Khudriy RA disebutkan bahawa dari keturunan lelaki inilah akan muncul orang-orang yang membunuh kaum muslimin serta membiarkan penyembah berhala (al-Bukhari 2002 ; Muslim: 2006). Justeru terdapat dari kalangan sarjana seperti al-Sharastani (1992) , Ibn al-Jauziy (2001) dan Ibn Hazm (1996) berpendapat bahawa *Zu al-Khuwaysirah* inilah merupakan Khawarij yang awal muncul, seterusnya pemikiran Khawarij ini telah berkembang sehingga sampai ke kemuncaknya apabila golongan ini menentang Saidina Ali RA yang tidak bersetuju dengan proses perdamaian bersama Mu’awiyah RA.

Antara tokoh-tokoh Khawarij terdahulu adalah seperti A’bdullah bin Kuwwa’, I’tab bin A’war, A’bdullah bin Wahab al-Rasibi, U’rwah bin Jarir, Yazid bin Abi A’sim al-Muharibi, Harqas bin Zuhair al-Bajli, mereka meninggalkan barisan ‘Ali bin Abi Talib menuju suatu tempat di Kufah yakni pergunungan yang bernama Harura’. Jumlah mereka sekitar dua belas ribu orang (al-Milal Wa al-Nihal 1992).

Selain Khawarij, satu kelompok lagi dari golongan ekstremis adalah Syiah Rafidhah. Dalam hubungan ini sikap ekstrem golongan Khawarij adalah bertentangan dengan sikap ekstrem golongan Syiah Rafidhah, Khawarij bersikap melampau dalam mengkafirkan Ali dan para sahabat, adapun Syiah Rafidhah pula bersikap melampau dalam mengagungkan Ali bin Abi Talib dan ahli bait. Bahkan terdapat kelompok Syiah yang mempertuhankan Ali Ibn Abli Talib (Abu al-Hassan al-Asyariy 1990). Manakala sikap melampau golongan al-Qadariyah pula antaranya berpendapat manusia mencipta perbuatannya sendiri dan tiada kaitan dengan kehendak Allah, golongan Jahmiyah pula berpandangan bahawa Allah SWT tidak mempunyai nama dan juga sifat (Abu al-Hassan al-Asyariy 1990; al-Baghdadiy 2010; al-Shahrastaniy 1992). Lantaran itu golongan melampau ini dianggap sebagai golongan asas yang melahirkan pelbagai kelompok yang menyeleweng dan akidah yang bercanggah dengan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di era yang berikutnya (al-Barbahariy 1993).

SOROTAN EKSTREMISME PADA MASA KINI DI MALAYSIA

Berasaskan kajian lepas terdapat individu dan kelompok di negara ini yang terpengaruh dan terlibat dengan ekstremisme, khususnya dari pengaruh beberapa individu yang pernah terlibat dalam perang melawan kuasa Soviet di Afghanistan pada suatu ketika dahulu (Rahimin Affandi et al. 2016). Mereka cuba menyebarkan dan mengamalkan fahaman tersebut di negara ini (Rahimin Affandi et al. 2016). Lantaran itulah didapati Malaysia tidak terlepas dari ancaman ekstremisme, yang dikenali sebagai kumpulan militan Islamic State of Iraq and Sham atau ringkasnya ISIS. Kumpulan ini telah menjadi ancaman kepada keselamatan negara Malaysia. Perjuangan ISIS adalah untuk menubuhkan sebuah Negara Islam dengan cara kekerasan yang amat jelas bertentangan dengan nilai kesucian Islam yang diutus sebagai rahmat untuk sekalian alam. Imej Islam dikotori dengan semangat dan keganasan yang mereka utarakan sehingga menimbulkan persepsi buruk bahawa Islam adalah agama yang tidak bertamadun (Siti Naqiyah Mansur et.al 2018) .

Kemunculan golongan ISIS ini telah menyebabkan tanggapan Barat kononnya Islam itu menganjurkan keganasan kelihatan agak benar, khususnya apabila ISIS ini yang menentang pihak Barat dan kerajaan sedia ada seperti yang berlaku di Syria sekitar tahun 2013 (Suaib Tahir & Abd. Malik 2018). Golongan ISIS beranggapan wajib menegakkan hukum Islam, mana-mana negara yang tidak mendaulatkan hukum Islam negara berkenaan wajib diperangi, bahkan pemerintahnya dianggap kafir (e-SMAF JAKIM 2014). Apabila diteliti doktrin dan pemikiran ISIS, didapati intipati ajarannya mempunyai persamaan dengan ideologi golongan Khawarij yang mengkafirkan pemerintah Islam (Mohd Roslan Mohd 2015). Dalam hubungan ini terdapat riwayat hadis yang sahih yang mengisyaratkan kepada bentuk ekstremisme yang menjurus kepada keganasan (Abdul Khir 2017). Dari Abi Sa'id al-Khudri RA katanya: Maksudnya: Ali radhiaAllahua'nhu telah mengirimkan kepada Nabi sallallahua'laihiwasallam seketul emas yang bersaiz kecil. Baginda membahagi-bahagikannya kepada empat orang iaitu al-Aqra' bin Habis al-Hanzhali al-Mujasyi'ie, U'yainah bin Badr al-Fazari, Zaid al-Thaie, Seorang dari bani Nabhan, A'lqamah bin U'lathah al-A'miri dan seorang lelaki dari bani Kilab. Maka kaum Quraisy dan al-Ansar berasa marah. Mereka berkata: Baginda memberikan kepada para pembesar ahli Najd dan meninggalkan kita. Baginda berkata: ((Sesungguhnya aku hendak menjinakkan hati mereka)). Lalu datang seorang lelaki yang kedua matanya agak ke dalam, kedua tulang pipinya timbul dan dahinya seperti bengkak, berjanggut lebat dan kepalanya bercukur, dia berkata: "Bertakwalah kepada Allah wahai Muhammad!". Baginda menjawab: ((Siapakah yang akan mentaati Allah jika aku menderhakainya? Adakah apabila Allah menjadikan aku sebagai kepercayaanNya di bumi dan kamu pula tidak mempercayaku?) Lalu seorang lelaki memohon untuk membunuhnya. - Aku kira dia adalah Khalid bin al-Walid – Tetapi baginda menegahinya. Apabila lelaki tersebut pergi baginda bersabda: ((Sesungguhnya dari keturunannya atau selepasnya ada kaum yang mereka membaca al-Quran tetapi tidak melepasi kerongkongan, mereka keluar dari agama seperti mana anak panah menembus keluar dari sasarannya. Mereka membunuh orang-orang Islam serta membiarkan hidup para penyembah berhala. Sekiranya aku sempat menemui mereka nescaya akan kubunuh mereka sebagaimana pembunuhan ke atas kaum A'ad. (Al-Bukhari, 2002, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, bab Ba'thu A'li Dan Khalid Ila

al-Yaman , no 4351; Muslim, 2006, Sahih Muslim, kitab al-Zakat, bab: Zikru al-Khawarij Wa Sifatihim, no 1064)

Dalam lafaz hadis yang lain disebutkan bahawa nama lelaki yang menyanggah perbuatan Nabi SAW ialah *Zu al-Khuwaishirah*, dan dialah pelopor ekstremisme di zaman Nabi SAW (Al-Bukhari, 2002, Sahih al-Bukhari, , *Kitab al-Adab, bab Ma Ja-a Fi Qauli al-Rajul Wailaka*, no 6163).

Ideologi ISIS ini bukan sahaja berkembang di Asia Barat sahaja bahkan turut tersebar di Asia Tenggara seperti Filipina, Indonesia termasuk juga Malaysia (Badrus Sholeh 2017), Gerakan ini wujud dan berkembang dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada secara militan kerana dianggap sebagai kerajaan yang tidak Islam dan wajib diperangi. Kewujudan gerakan ini di Malaysia telah dapat dikesan oleh pihak keselamatan negara. Beberapa individu yang terlibat juga telah dapat ditahan bagi tujuan soal siasat dan juga untuk pemulihan beberapa aspek kefahaman akidah mereka yang menyeleweng dari landasan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (Muhd Imran Razak et.al , 2018).

Melalui dapatan kajian yang dilakukan oleh (Muhd Imran Razak et al. 2018) memperjelaskan tentang kesalahan golongan ekstremisme agama dalam menafsirkan hukum-hukum Islam terutama dalam masalah jihad. Kumpulan tersebut seperti ISIS cenderung mengambil faham secara literal dari nas-nas yang muktabar serta meletakkan semua wilayah selain mereka adalah negara yang perlu boleh diperangi.

Cara kumpulan ekstremis mengawal pengikut mereka adalah dengan menyemai sikap fanatik dan tidak boleh memberi kesetiaan kepada orang lain melainkan kepada golongan yang berpegang dengan fahaman mereka. Pengikut juga tidak dibenarkan untuk mengambil ilmu selain dari jalan yang mereka telah tetapkan. Cara seperti ini adalah mudah dan senang diterapkan kepada pengikut yang lemah akal dan tidak berfikiran kritis untuk menilai antara kebenaran dan kebatilan. Sikap bebal ini akhirnya akan menjurus kepada lahirnya sikap yang boleh merosakkan diri dan masyarakat (Rahimin Affandi Abdul Rahim et al. 2016)

Jika ditinjau dari sudut kefahaman terhadap konsep jihad pula, golongan ekstremisme agama telah menyempitkan tafsiran jihad dengan hanya berpegang bahawa tiada jihad melainkan dengan mengangkat senjata dan peperangan bahawa Islam akan tertegak dengan hanya menumpahkan darah. Mereka juga berpandangan bahawa meluaskan tafsiran jihad keluar dari konteks peperangan adalah usaha untuk menghapuskan jihad itu sendiri. Bahayanya salah faham ini akan mengakibatkan terhapusnya perintah dan anjuran berhikmah dalam berdakwah (Muhd Imran Razak et al. 2018).

Kenyataan-kenyataan di atas memperlihatkan kewujudan golongan ekstremis ini di negara ini khususnya dan bahaya fahaman yang dibawa oleh mereka. Lebih membimbangkan fahaman ini dapat menimbulkan pertumpahan darah dan dapat mewujudkan keadaan yang tidak stabil dalam negara. Keadaan sebegini sekaligus memberi ancaman terhadap aspek keselamatan negara dan kejatuhan ekonomi. Justeru proaktif perlu digerakkan segera khususnya dari pihak yang berautoriti bagi menangani fahaman ini.

KESIMPULAN

Ekstremisme telah wujud sekian lama dalam sejarah umat terdahulu. Sikap ekstrem ini terus berkembang di kalangan umat Nabi Muhammad SAW dengan wujudnya beberapa golongan

yang menyeleweng dari akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Khawarij, Syiah dan lain-lain. Pada era moden ini fahaman ekstrem terus berkembang berasaskan tapak yang dibina oleh golongan terdahulu. Malaysia turut terlibat dengan ancaman keselamatan negara dengan wujudnya individu dan golongan yang terpengaruh dengan ideologi ini seperti ISIS dan Jamaah Islam. Kewujudan golongan ekstrem ini menimbulkan ancaman keselamatan dan menyebabkan negara berada dalam situasi tidak stabil di samping memberi imej yang negatif terhadap kemuliaan agama Islam.

RUJUKAN

- Abdul Khir, M. F. (2017). Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij. *Journal of Al-Tamaddun*, 12(2), 115-125.
- Ahmad Hidayat Buang (2011). Fatwa Ajaran Sesat dari Sudut Undang-Undang dan Cabaran Pembanterasannya di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 2(1): 27-47.
- Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2021). *Mengenal Pasti Perwatakan Ekstremis Melalui Disiplin Fiqh Taayush*. *Jurnal Islamiyyat*. Vol.43. Jil.1, ms. 121-134.
- Aminudin Basir & Akila. 2016. Konsep Berpegang Kepada Al-Quran dan Al-Sunnah Menurut Manhaj Ahli Hadis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1(12): 57-69.
- al-Asya'ariy. Abu al-Hasan. (1990). *Maqalaat Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Beirut: Maktabah al-'Asriyah.
- Badrul Sholeh. (2017). Dari Ji ke ISIS: Pemikiran Strategis dan Taktis Gerakan Terorisme di Asia Tenggara. *Jurnal Hubungan Internasional*. No.5, Bil.2.: 210-221.
- al-Baghdadiy, Abdul Qahir. (2010). *Al-Farq bain al-Firaq*. Beirut: Dar al-Tawfiqiyyah li al-Turath.
- al-Barbahariy, al-Hassan Ibn Ali. (1993). *Syarh al-Sunnah*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Ghuraba al-Athariyyah.
- Bukhariy, Muhammad Ibn Ismail. (2002). *Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Ibn al-Jawzi, Abdul Rahman Ibn Ali. (2001). *Talbis Iblis*. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, 'Ali Ibn Ahmad. (1996). *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Jail.
- Ibn Kathir, Ismail Ibn Omar. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Tayyibah.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid. (t.th). *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyah.
- JAKIM, e-SMAF. (2016). *Berjihad Atas Nama Islamic State In Iraq And Syams (ISIS) Dan Seumpamanya*. Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke 28 pada 27 Jamadil akhir 1437H/ 5 April 2016M.
- Kamus Dewan*, Edisi keempat. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurie Willis (ed.), 2011. *Extremism*. New York: Greenhaven Press.
- al-Luwaihiq, Abdul Rahman ibn Mualla. 1422H/2005. *al-Ghuluww Fi al-Din Fi hayat al-Muslimin al-Mu'asirah*. Beirut: Penerbit Muassasah al-Risalah.

- Marsden, V.E. (2022). *Protokol Impian Zionis*. Terjemahan. The Secret Masters of The World. Kuala Lumpur: Pustaka al-Ikhlas.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2015). Ekstremisme Rentas Agama dan Tamadun. *Kefahaman Islam Semasa Di Malaysia Realiti Dan Cabaran*, 143-166.
- Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Siti Maimunah Hj. Kahal & Rabiatul Adawiyah binti Mohamed Ratha. (2018). Analisis Fahaman Ekstremis Agama dan Media Sosial di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. 2(1): 91-103.
- Muslim, Muslim Ibn al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Tayyibah.
- al-Nasaie, Ahmad Ibn Ali.(2015). *Sunan al-Nasaie*. Riyad: Dar al-Hadharah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Rahimin Affandi, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak, Muhammad Ikhlas, & Siti Maimunah Kahal. (2016). *Ekstremisme Islam Di Alam Melayu : Satu pengenalan. Aricis 1, October*, 568–588.
- al-Sharastani, Muhammad Abdul Karim. (1992). *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmyiah.
- Siti Naqiyah Mansor, and Salasiah Hanin Hamjah, and Izzah Nur Aida Zur Raffar, (2018). *Ideologi Gerakan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS) di Malaysia*. *Islamiyyat. Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 40(2). 95-103.
- Suaib Tahir, MA & Abd. Malik, MA. (2018). *Polemik Negara Islam: Melacak Sejarah, Pemikiran dan Kesalahan Interpretasi Kelompok Teror*. Indonesia: Pusat Media Damai (PMD) dan Badan Nasional Penanggulangan Terorisme (BNPT).
- Ulfatul Aini. 2019. Strategi Guru Pendidikan Agama Islam (PAI) Dalam Meningkatkan Life Skill Siswa. (Studi Multisitus Di SMA Surya Buana Kota Malang Dan SMA Islam Nusantara Kota Malang). Program Pendidikan Agama Islam Pascasarjana. Universitas Islam Negeri Maulana Ibrahim Malik Malang.
- al-Yamaniy, Muhammad Sarar. (2015). Al-Ghuluw Asbabuhu wa 'Ilajuhu. *Jurnal Kuliyyah Dirasat Islamiyah li al-Banat*, 3(31): 169-216.
- Zaid Hamdani, Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2018). Kemampuan Fatwa Sebagai Alat Menangani Ekstremisme Agama: Satu Penilaian. *Jurnal Pembangunan Sosial TEMALI* . 1(2): 193-210.